



PROSPEKTUS

DAN BUKU PANDUAN

SIJIL TAHFIZ

DARUL QURAN SINGAPURA

KANDUNGAN

Pengenalan.....	1
Objektif.....	1
Syarat Penyertaan.....	1
Bentuk Program.....	1
Tempoh Pengajian.....	2
Yuran Pengajian.....	2
Jalur Pengajian.....	3
Muqarrar/Kurikulum Tahfiz.....	4
Pembelajaran di dalam kelas.....	5
Ujian Tahfiz.....	5
Peraturan Pelajar Tahfiz.....	6
Fadilat Membaca dan Menghafal Al-Quran.....	9
Adab Membaca dan Menghafal Al-Quran.....	10
Tips Menghafal Al-Quran.....	10
Teknik-Teknik Menghafal Al-Quran.....	12

PENGENALAN

Sijil Tahfiz merupakan sebuah program pengajian menghafal al-Quran yang ditawarkan kepada semua peringkat umur yang berminat untuk menghafal al-Quran. Kelas pengajian akan dibahagikan mengikut kategori umur yang telah ditetapkan. Pelajar akan menghafal bermula daripada Juz 30 sehingga tamat al-Quran. Program ini tidak meletakkan sebarang tempoh tertentu untuk menamatkan hafalan, ianya bergantung kepada kadar kesungguhan dan kelajuan hafalan setiap pelajar.

OBJEKTIF

1. Menawarkan peluang kepada pelajar untuk mengikuti pengajian Tahfiz separuh masa dan sepenuh masa yang fleksibel
2. Menghafal al-Quran mengikut kadar kelajuan masing-masing
3. Menghafal al-Quran dengan tajwid yang baik

SYARAT PENYERTAAN

1. Berumur seawal 7 tahun dan ke atas
2. Boleh membaca al-Quran dengan baik
3. Boleh menghafal minimum setengah muka surat dalam masa 1 jam
4. Lulus ujian kemasukan

BENTUK PROGRAM

Pengajian ini terbahagi kepada 2 program:

1. Sijil Tahfiz Separuh Masa

- Pengajian hujung minggu selama 2 jam setiap sesi
- Sesi Tajwid (Tahfiz Atfal) & sesi Tadabbur (Tahfiz Shabab/Rijal/Nisa) wajib diikuti pada setiap minggu ketiga¹

¹ Tahfiz Atfal : 7-12 tahun | Tahfiz Shabab : 13-18 tahun | Tahfiz Rijal/Nisa : 19 tahun ke atas

2. Sijil Tahfiz Ekspres

- Pengajian 4 hari (Selasa-Jumaat) selama 2 hingga 3 jam setiap sesi

TEMPOH PENGAJIAN

- Tiada tempoh minimum dan maksimum bagi pelajar untuk menamatkan hafalan
- Bergantung kepada kadar kesungguhan dan kelancaran hafalan setiap pelajar

YURAN PENGAJIAN

1. Sijil Tahfiz Separuh Masa (Masjid Kampung Siglap)


Yuran Pendaftaran (sekali sahaja)	:	\$10.00
Yuran Pengajian (bulanan)	:	\$40.00 (pelajar) \$60.00 (dewasa)

2. Sijil Tahfiz Separuh Masa (Masjid Al-Khair / Al-Istiqamah / Al-Muttaqin / Darul Makmur)

Yuran Pendaftaran (sekali sahaja)	:	\$10.00
Yuran Pengajian (bulanan)	:	\$45.00 (pelajar) \$70.00 (dewasa)

3. Sijil Tahfiz Ekspres

Yuran Pendaftaran (sekali sahaja)	:	\$10.00
Yuran Pengajian (bulanan)	:	\$80.00




* Bagi pelajar yang **tidak lulus** ujian kemasukan, pelajar boleh memilih untuk mendaftar program-program Darul Quran yang direkomendasikan oleh guru.

A. Kategori 5-12 tahun		
Taman Pengajian Al-Quran	Yuran Pendaftaran (sekali sahaja): \$10.00 Yuran Pengajian (bulanan): \$50.00	Setiap Ahad 2.00-3.30 petang

B. Kategori 13 tahun ke atas

Klinik Al-Quran	Yuran Pendaftaran (sekali sahaja): \$10.00	<u>Muslimin</u> Sabtu (pagi) Selasa-Jumaat (petang)
	Yuran Pengajian: 3 sesi - \$20.00 (pelajar) 3 sesi - \$30.00 (dewasa)	<u>Muslimat</u> Sabtu (pagi) Selasa & Jumaat (pagi) Selasa-Jumaat (petang)
Kursus Literasi Al-Quran (KliQ)	Yuran Pendaftaran (sekali sahaja): \$10.00 Yuran Pengajian: \$74/modul	Selasa & Khamis 7.30-9.30 malam 3 modul
Asas Tajwid al-Quran (ATAQ)	Yuran Pendaftaran (sekali sahaja): \$10.00 Yuran Pengajian: \$100/modul	Sabtu 2.00-3.30 petang 2 modul 2 kali sebulan

MUQARRAR / KURIKULUM TAHFIZ



PEMBELAJARAN DI DALAM KELAS

1. Tasmî'

Pelajar perlu memperdengarkan hafalan baru mengikut kadar yang telah ditetapkan oleh guru.

2. Murajaah Baru*

Pelajar perlu mengulang Juz yang sedang dihafal mengikut kadar yang telah ditetapkan oleh guru.

3. Murajaah Lama*

Pelajar perlu mengulang Juz yang telah selesai mengikut kadar yang telah ditetapkan oleh guru.

4. Talaqqi*

Pelajar perlu membaca dan memperbetulkan bacaan bagi hafalan baru yang akan di tasmî' pada sesi akan datang apabila dirasakan perlu.

5. Aktiviti Kelas

Pelajar perlu menyelesaikan dan menghantar tugas yang diberikan oleh guru di dalam kelas. Pelajar juga perlu mengikuti kelas Tajwid & Tadabbur pada setiap minggu ketiga.

UJIAN TAHFIZ

Ujian akan diadakan pada setiap akhir bulan di Masjid Kampung Siglap. Pelajar digalakkan untuk mengambil ujian setelah mendapat rekomendasi guru.

1. Jenis-jenis Ujian

Jenis Ujian	Syarat
Ujian juz 30	Selesai menghafal keseluruhan juz 30
Ujian setiap juz	Selesai menghafal keseluruhan juz berkenaan

* Pelaksanaannya bergantung kepada arahan guru.

Ujian 5 juz	Lulus setiap ujian bagi 5 juz tersebut
Ujian 10 juz	Lulus setiap ujian bagi 10 juz tersebut
Ujian 15 juz	Lulus setiap ujian bagi 15 juz tersebut
Ujian 30 juz	Lulus semua ujian bagi setiap juz

2. Keputusan Ujian

Pelajar akan dimaklumkan keputusannya sebaik sahaja selesai ujian agar dapat meneruskan hafalan yang baru. Guru yang menguji juga berhak untuk membatalkan ujian tersebut bila-bila masa jika mendapati pelajar berkenaan tidak lancar hafalannya.

3. Slip Markah Ujian

Slip ujian akan diserahkan kepada pelajar sebulan selepas ujian dijalankan. Waris pelajar (bagi pelajar 17 tahun ke bawah) perlu tandatangan slip ujian tersebut dan diserahkan kembali kepada pejabat untuk direkodkan.

4. Penganugerahan Sijil Tahfiz

Sijil Tahfiz Al-Quran akan dianugerahkan kepada pelajar yang telah lulus dalam ujian setiap 5, 10 dan 15 juz al-Quran.

PERATURAN PELAJAR TAHFIZ

I. Peraturan Menghadiri Kelas Tahfiz

- Datang ke kelas tepat pada waktunya dan tidak dibenarkan pulang awal tanpa izin guru
- Bawa mushaf atau terjemahan al-Quran sendiri
- Hafal tugasan yang diberikan di rumah seperti yang diminta
- Pelajar perlu mempunyai inisiatif untuk memperdengarkan hafalan mereka kepada guru pada awal kelas

- Dilarang menggunakan telefon bimbit di dalam kelas. Semua telefon bimbit perlu dimatikan atau di'silent'kan sebelum masuk kelas.
- Dilarang membuat bising, berbual atau bermain ketika kelas sedang berjalan.
- Dilarang makan, minum atau tidur di dalam kelas.
- Jaga kebersihan kelas

2. Etika Pemakaian Pelajar Tahfiz

Lelaki:

- Pelajar digalakkan memakai kopiah atau songkok
- Pelajar wajib berpakaian labuh & menutupi aurat seperti baju melayu atau jubah
- Seluar digalakkan untuk berwarna hitam atau gelap
- Dilarang memakai pakaian yang pendek, ketat & jarang

Perempuan:

- Pelajar wajib berpakaian labuh & menutupi aurat seperti baju labuh, baju kurung atau jubah
- Tudung perlu menutupi dada
- Dilarang memakai pakaian yang pendek, ketat dan jarang

3. Pembayaran Yuran

- Yuran wajib dibayar selewat-lewatnya pada hari ke-15 setiap bulan

4. Bercuti atau Berhenti dari Sijil Tahfiz

- Pelajar yang ingin bercuti atau menarik diri wajib memaklumkan kepada pihak pejabat melalui emel ke **info@mks.org.sg**
- Pelajar juga boleh mengisi borang penarikan diri yang boleh didapati di kaunter khidmat pelanggan
- Yuran pengajian akan diambil kira sekiranya pelajar gagal memaklumkan kepada pihak pejabat
- Pelajar yang ingin berhenti diminta untuk melunaskan segala yuran yang tertunggak sebelum penarikan diri dari Sijil Tahfiz

KELEBIHAN DAN KAEDAH MENGHAFAL AL-QURAN

FADHILAT MEMBACA DAN MENGHAFAL AL-QURAN

“Sebaik-baik kamu adalah yang mempelajari al-Quran dan mengajarnya.”

(Hadith riwayat Bukhari)

“Mereka yang membaca dan mahir al-Quran, ia akan bersama para malaikat pencatit yang mulia. Mereka yang membaca al-Quran tetapi tidak lancar bacaannya dan payah baginya untuk membaca maka untuknya dua pahala.”

(Hadith riwayat Bukhari dan Muslim)

“Bacalah al-Quran kerana sesungguhnya ia akan memberi syafaat kepada pembacanya pada hari kiamat.”

(Hadith riwayat Muslim)

“Sesiapa yang membaca sehuruf dari al-Quran maka untuknya satu kebajikan, dan setiap kebajikan digandakan sepuluh kali. Aku tidak berkata Alif-Lam-Mim itu satu huruf tetapi Alif adalah huruf, Lam adalah huruf dan Mim adalah huruf.”

(Hadith riwayat Tarmidzi)

“Bacalah al-Quran kerana Allah s.w.t tidak mengazabkan hati yang menyimpan al-Quran. Dan sesungguhnya al-Quran ini adalah majlis jempunan Allah, siapa yang datang, ia akan merasa keamanan. Dan sesiapa yang cintakan al-Quran maka bergembiralah.”

(Hadith riwayat ad-Darimy)

“Berkata Allah s.w.t: Sesiapa yang disibukkan dengan membaca al-Quran dan mengingati Aku daripada meminta sesuatu dari Aku, maka Aku akan memberikannya lebih baik dari apa yang diminta oleh orang lain. Dan kelebihan perkataan Allah (al-Quran) atas perkataan-perkataan lain adalah seperti kelebihan Allah atas makhluknya.”

(Hadith riwayat Tarmidzi)

ADAB MEMBACA DAN MENGHAFAL AL-QURAN

1. Ikhlasakan hati
2. Bersabar
3. Mulakan dengan membaca doa dan 'Bismillah'
4. Banyak berdoa kepada Allah s.w.t
5. Bersih dari hadas kecil dan besar
6. Berada dalam keadaan berwudu'
7. Sebaiknya menghadap kiblat
8. Memakai pakaian yang bersih dan menutup aurat
9. Jangan banyak bercakap dan ketawa ketika membaca dan menghafal
10. Fokus dan berikan tumpuan sepenuhnya
11. Jangan membaca ketika mengantuk atau menguap
12. Menghormati al-Quran dan guru

TIPS MENGHAFAL AL-QURAN

1. Mempunyai azam dan minat untuk menghafal
2. Memilih waktu yang sesuai untuk menghafal
 - Antaranya adalah waktu sepertiga malam, selepas subuh, waktu pagi, siang dan malam.
3. Memilih tempat yang sesuai untuk menghafal
 - Tempat yang paling sesuai adalah masjid dan tempat-tempat yang tenang.
4. Berada dalam keadaan tenang
5. Kosongkan fikiran sebelum menghafal
6. Digalakkan untuk menggunakan 1 mushaf yang sama selama tempoh hafalan
7. Pilih mushaf yang saiznya tidak terlalu kecil
8. Beristighfar dan berselawat sebelum mula menghafal
9. Membaca doa sebelum dan selepas menghafal al-Quran

- Doa yang digalakkan membaca **sebelum** menghafal:

اللَّهُمَّ نَوِّزْ بِكِتَابِكَ بَصْرِي، وَاشْرَحْ بِهِ صَدْرِي، وَاسْتَعْمِلْ بِهِ بَدَنِي،
وَاطْلُقْ بِهِ لِسَانِي، وَقَوِّ بِهِ جَنَانِي، وَاسْرِعْ بِهِ فَهْمِي، وَقَوِّ بِهِ عَظْمِي،
بِحَوْلِكَ وَقُوَّتِكَ فَإِنَّهُ لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ

Maksudnya:

Ya Allah! Terangilah pandanganku dengan KitabMu, dan luaskanlah dadaku dengannya, dan gunakan anggota badanku untuknya, dan lancarkanlah lidahku dengannya, dan kuatkan anggota badanku dengannya, dan cepatkanlah kefahamanku dengannya, dengan perantaraan kekuatanMu, kerana sesungguhnya tiada daya dan upaya melainkan dengan izinMu, wahai yang Maha Pengasih.

- Doa yang digalakkan membaca **selepas** menghafal:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْتَوِدِعُكَ مَا عَلَّمْتَنِي، فَارْزُدْهُ إِلَيَّ وَفَتَّ حَاجَتِي إِلَيْهِ فَلَا
تَنْسِيهِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ

Maksudnya:

Ya Allah! Sesungguhnya aku serahkan kepadaMu segala yang telah aku pelajari, maka datangkanlah kepadaku ingatan itu pada waktu yang aku perlu. Maka janganlah Engkau lupakan (segala yang telah aku hafal), wahai Tuhan sekalian alam.

A. Teknik *Chunking*

1. Memisahkan sepotong ayat yang panjang kepada beberapa bahagian yang sesuai mengikut saranan guru. Atau,
2. Memisahkan 1 muka surat kepada 2 atau 3 bahagian mengikut kesesuaian. Atau,
3. Memisahkan 1 surah kepada beberapa bahagian, contohnya mengikut pertukaran cerita. Atau,
4. Memisahkan 1 juz kepada beberapa bahagian mengikut surah, maqra', hizib, cerita dan sebagainya.

B. Teknik Mengulang

1. Membaca sepotong atau sebahagian ayat sekurang-kurangnya 5 kali sebelum mula menghafalnya.
2. Membaca ayat yang telah dihafal berulang-ulang kali (5 atau lebih) sebelum berpindah kepada ayat seterusnya.
3. Selepas menghafal setengah muka surat, ulang beberapa kali bahagian tersebut sehingga lancar sebelum diteruskan dengan bahagian kedua.
4. Selepas menghafal 1 muka surat, ulang sekali lagi sehingga lancar bahagian tersebut.

C. Teknik Menulis

1. Buka Quran dan tulis ayat yang hendak dihafal beberapa kali sehingga ingat.
2. Setelah menghafal, tulis kembali ayat atau muka surat yang telah dihafal tanpa melihat Quran.
3. Kemudian semak semula tulisan tersebut dengan melihat Quran.

D. Teknik Mendengar Audio

1. Pilih seorang qari yang baik dan sesuai dengan tahap pendengaran. Contoh: Ali Al-Huzaifi, Saad Al-Ghamidi

2. Sebelum mula menghafal, dengar bacaan ayat-ayat yang hendak dihafal beberapa kali.
3. Perhatikan cara, lagu dan tempat berhenti bacaan qari tersebut sehingga terpacu dalam fikiran.
4. Mula menghafal ayat-ayat tersebut dengan cara dan gaya yang sama seperti yang didengar.

E. Teknik *Partner Hafalan*

1. Cari seseorang yang boleh menghafal bersama.
2. Orang yang pertama menghafal dan disemak oleh orang yang kedua.
3. Orang yang kedua menghafal dan disemak oleh orang yang pertama.
4. Saling menebuk hafalan dengan satu sama lain.

F. Teknik *Mind Mapping*

1. Bagi setiap juz yang dihafal, lakarkan 8 cabang – setiap cabang tuliskan ayat pertama daripada setiap maqra'. Atau,
2. Bagi setiap surah, buat cabang bagi setiap pertukaran cerita atau setiap setengah muka surat. Atau,
3. Tuliskan setiap awal ayat bagi setiap surah yang dihafal.

67 AL-MULK		
① أَمَّنْ هَذَا	⑪ فَأَعْتَرَفُوا	① تَبَرَّكَ
② أَفَمَنْ	⑫ إِنَّ الَّذِينَ	② الَّذِي خَلَقَ
③ قُلْ هُوَ	⑬ وَأَسْرُوا	③ الَّذِي خَلَقَ
④ قُلْ هُوَ	⑭ أَلَا يَعْلَمُ	④ ثُمَّ أَرْجِعَ
⑤ وَيَقُولُوا	⑮ هُوَ الَّذِي	⑤ وَلَقَدْ زَيَّنَّا
⑥ قُلْ إِنَّمَا	⑯ عَآمِنْتُمْ	⑥ وَلِلَّذِينَ
⑦ فَلَمَّا	⑰ أَمْ آمِنْتُمْ	⑦ إِذَا أُلْقُوا
⑧ قُلْ أَرَأَيْتُمْ	⑱ وَلَقَدْ	⑧ تَكَادَ
⑨ قُلْ هُوَ	⑲ أَوْ لَمْ	⑨ قَالُوا
⑩ قُلْ أَرَأَيْتُمْ	⑳ أَمَّنْ هَذَا	⑩ وَقَالُوا

G. Aplikasi Quran

Al-Muqri https://play.google.com/store/apps/details?id=com.thedawah.muqri	
Tasmee (Eqra Tech) https://play.google.com/store/apps/details?id=com.eqra.android.tasmee	
Smart Quran Test (Azhari Studio Inc) https://play.google.com/store/apps/details?id=azhari.smartqurantest	
Tamkeen (تمكين - تحفيظ القرآن) https://play.google.com/store/apps/details?id=com.mighty.tamkeen	
Alrazy Labs (آية وسورة - في القرآن الكريم) https://play.google.com/store/apps/details?id=zozo.android.ayahsurra	